

ACARBOSE

(i) Tujuan/ Kegunaan Ubat

- Acarbose digunakan untuk merawat penyakit Diabetes Mellitus jenis 2 (keadaan di mana badan tidak menggunakan insulin secara normal dan dari itu tidak boleh mengawal amaun gula dalam darah).
- Acarbose digunakan dalam pesakit yang mengamalkan diet sahaja dan juga dalam pesakit yang menggunakan kombinasi dengan ubat-ubat lain.

(ii) Cara Penggunaan

Cara Pengambilan/ Administrasi

- Diambil secara oral. Setiap tablet diambil bersama-sama dengan suapan pertama makanan diambil.
- Makan seperti yang diarahkan. Tidak boleh ambil lebih atau kurang dari yang telah dipreskrib.
- Teruskan mengambil ubat walaupun pesakit berasa sihat. Jangan berhenti mengambil ubat tanpa arahan dari doktor

Jika terlupa mengambil ubat

- Ambil sebaik sahaja teringat.
- Jika sudah dekat dengan waktu dos yang akan datang, tinggalkan dos terlupa ini dan mulakan dos seterusnya mengikut jadual biasa.
- JANGAN GANDAKAN DOS!!

Penyimpanan

- Sila simpan di tempat kering, jauhi dari cahaya matahari dan kanak-kanak.

(iii) Kontraindikasi

- Hypersensitiviti kepada ubat
- Pesakit diabetic ketoacidosis atau cirrhosis
- Pesakit inflammatory bowel disease, colonic ulceration, partial intestinal obstruction
- Pesakit yang ada chronic intestinal disease
- Pesakit kegagalan renal (creatinine clearance <25ml/min)
- Pesakit berumur bawah 18 tahun

(iv) Interaksi dengan ubat lain, makanan, OTC, dan ubat tradisional

Ubat-ubatan

- Charcoal, Amylase, Pancreatin boleh mengurangkan kesan Acarbose dan tidak boleh diambil bersama-sama

- Pengambilan bersama Neomycin boleh meningkatkan penurunan glukos dan meningkatkan frekuensi dan keterukan kesan samping pada sistem gastrousus.
- Cholestyramine boleh meningkatkan kesan Acarbose

(v) Kesan Ubat

Kesan Terapeutik

- Acarbose ialah sejenis penghalang alpha glucosidase, terutamanya sukrosa. Ia bertindak dengan melambatkan penghadaman dan penyerapan karbohidrat dalam usus kecil dan dengan itu, mengurangkan kepekatan glukosa dalam darah selepas pengambilan karbohidrat
- Karbohidrat yang diambil akan dipecahkan oleh enzim dalam usus kecil kepada molekul-molekul yang kecil dan diserap ke dalam darah dan akan meningkatkan aras gula dalam darah. Proses pemecahan karbohidrat ini memerlukan enzim alpha amylase yang dirembeskan oleh pankreas. Pemecahan karbohidrat ini kepada pecahan-pecahan kecil disebut oligosaccharides.
- Kemudian, sel-sel yang melapisi usus kecil akan merembeskan enzim alpha glucosidase yang seterusnya akan memecahkan oligosaccharide kepada pecahan gula yang lebih kecil seperti glukos yang boleh diserap ke dalam darah.
- Acarbose direka menyerupai oligosaccharide dan dengan itu akan mengurangkan tindakan enzim alpha amylase dan enzim alpha glucosidase dan seterusnya akan mengurangkan kehadiran gula dalam darah selepas makan.

Kesan Sampingan

- Kesan samping biasa : sakit perut, cirit-birit, dan angina (flatulence)
- Kesan samping (jarang) : Peningkatan enzim hati, pengurangan hematocrit, kalsium atau paras vitamin B6